

PM: Perluaskan skop pendidikan agama

Oleh HASSAN MOHD. NOOR

JOHOR BAHRU 20 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pandangan yang lebih luas hendaklah diberikan kepada skop pendidikan agama bagi menarik generasi muda kembali berpegang teguh kepada ajaran Islam sebagai benteng keruntuhan moral.

Perdana Menteri berkata, pengajaran agama Islam di sekolah kini diberi masa yang kian bertambah, namun kesan pengajaran daripada segi mencegah kegiatan yang tidak diinginkan, tidak begitu terlihat.

Sehubungan itu, beliau berharap isu kandungan pendidikan agama dikaji sedalam-dalamnya bukan sahaja oleh pakar-pakar agama tetapi juga oleh ahli-ahli pedagogi dan ahli-ahli psikologi.

“Penentuan supaya ajaran agama lebih berkesan adalah perlu sebelum kita dapat membentuk manusia yang takut membuat dosa.

“Kepercayaan dan keyakinan

kepada ajaran Islam tidak harus bergantung hanya kepada perasaan takut,” katanya ketika merasmikan Kongres Pendidikan Islam, Kebangsaan di Kompleks Pusat Islam di sini hari ini.

[Ucapan penuh PM di muka 6 dan laporan kongres di muka 9]

Dr. Mahathir menegaskan bahawa kepercayaan dan keyakinan kepada ajaran Islam sebagai agama terbaik hendaklah diterima kerana kebaikannya bukan sahaja untuk akhirat, tetapi juga dunia.

Menurutnya, keberkesanan pendidikan Islam amat perlu kerana negara sedang menghadapi gejala keruntuhan akhlak di kalangan sebahagian besar remaja dan yang menyedihkan kebanyakan mudamudi yang terlibat dengan gejala dadah, lepak dan bohsia terdiri daripada yang beragama Islam.

■ Lihat muka 2

PM: Perluaskan skop pendidikan agama

"Sudah tentu keruntuhan moral ini bukan kerana agama yang dianuti mereka.

"Agama Islam sepatutnya menjadi benteng yang boleh menyelamatkan anak muda daripada terjerumus ke dalam angkara ini tetapi hakikat yang nyata tidak boleh dinafikan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, anak muda Islam lebih lemah moral mereka daripada anak-anak muda bukan Islam dan usaha untuk mencari dan mengenal pasti sebab-sebabnya perlu dilakukan.

"Kita harus mengkaji kenapa agama Islam tidak menjadi benteng yang diharapkan. Kajian yang cetek sekalipun akan menunjukkan anak muda kita tidak berpegang kuat malah jauh sekali mengamalkan ajaran-ajaran Islam.

"Pengetahuan mereka mengenai ajaran Islam tidak mendalam, iman lemah. Demikianlah terpisahnya mereka daripada ajaran Islam sehingga mereka tidak sedikitpun rasa segan silu dengan kejahatan mereka," kata Perdana Menteri.

Katanya, tidak dapat tidak kelemahan pengetahuan mereka dan sikap mereka mempunyai kaitan dengan penyampaian apa yang ditafsir sebagai ajaran agama kepada mereka.

Mungkin terdapat kelemahan daripada segi tekanan yang menyebabkan kurang berkesannya pengajaran Islam yang diadakan di sekolah-sekolah, katanya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun didikan agama bermula di rumah tetapi jika ibu bapa kurang pengetahuan dan tidak faham cara-cara menyampaikan didikan agama, mustahil peranan mereka berkesan.

Lagipun, adat resam berkeluarga sekarang berbeza daripada dulu di mana anak itu takut dan taat kepada ibu bapa.

Katanya, pendedahan kepada cara hidup asing sekarang menyebabkan sukar bagi ibu bapa menanam sikap gerun di kalangan anak mereka dan anak-anak muda lebih bebas dan cerdik daripada zaman ibu bapa mereka membesar.

Jika ibu bapa diharap memainkan peranan yang berkesan, anak-anak harus dilatih sebelum berumah tangga, jelas beliau.

"Dalam menasihati pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, tekanan yang diberikan sekarang bukanlah mengenai tanggungjawab ibu bapa tetapi lebih tertumpu kepada nikah kahwin, hak suami dan hak isteri.

"Ada pendapat yang mengatakan bahawa isteri mesti melayan suami dalam segala-galanya tanpa menekan mustahaknya suami melayan isteri," katanya.

Perdana Menteri berkata, soal didikan anak-anak tidak mendapat banyak perhatian dan jika adapun tekanan hanyalah kepada perkara-perkara ibadat seperti sembahyang, puasa dan membaca Al-Quran bagi menentukan keislaman mereka.

Katanya, setakat yang diketahui, di mana-mana saja tumpuan ajaran agama ialah kepada ibadat-ibadat tertentu dengan penekanan terhadap pahala, dosa dan syurga kerana adalah dipercayai dengan cara itu, orang Islam, terutamanya kanak-kanak dan anak muda, akan berasa takut melakukan dosa dan ingin mendapat ganjaran daripada pahala sehingga mereka akan patuh kepada ajaran Islam.

Bagi yang kuat iman, memang benar mereka akan takut berbuat dosa tetapi jika pengajaran Islam tidak begitu berkesan, iman akan lemah dan perasaan takut tidak akan dirasai, katanya.

Dr. Mahathir juga meminta tokoh-tokoh agama berperanan untuk membuktikan bahawa agama Islam adalah mudah dan bukannya satu beban dalam usaha mengajak generasi muda mendekati diri mereka dengan agama.

Dibantu oleh kepercayaan dan iman mereka, usaha menyekat keruntuhan akhlak di kalangan anak muda akan lebih cepat berjaya, kata Perdana Menteri.

Beliau juga berkata, tokoh-tokoh agama sepatutnya menyokong kuat dan memainkan peranan yang aktif dalam menjayakan program Rakan Muda.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir turut menekankan bahawa masyarakat Islam sekarang masih memberi gambaran bahawa selain ibadat-badat yang disebutkan, kerja-kerja lain tidak dihargai Islam dan mungkin bertentangan dengan ajaran Islam.

Keadaan itu menjadikan agama Islam tidak menarik kerana dianggap terlalu sempit oleh anak muda, katanya.

Beliau memberi contoh betapa naluri manusia, terutama ketika muda, suka mengejar keseronokan tetapi ada pihak yang menganggap keseronokan sebagai tidak diingini agama Islam.

"Sebaliknya, keseronokan boleh disalurkan kepada kegiatan yang sihat. Bersukan, bernyanyi secara sopan, bermain alat muzik... boleh memenuhi masa dan menyeronokkan hati anak muda dengan tidak menjejaskan pegangan mereka kepada agama atau menyebabkan mereka terjerumus kepada kegiatan yang tidak bermoral," kata beliau.